

09/07/2001

Sah! Takraw guna sistem kiraan 15 mata

Halmi Samad

PERSEKUTUAN Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) semalam mengambil keputusan sebulat suara menolak penggunaan kiraan baru 21 mata dan sebaliknya mengekalkan sistem 15 mata di temasya Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001, September ini.

Keputusan itu dibuat di Kongres Tergempar Istaf di Bangkok selepas semua 25 perwakilan daripada 13 negara gabungan - kecuali Malaysia yang mengambil keputusan berkecuali - mengundi untuk kiraan mata lama itu.

Antara negara yang mengundi untuk memilih sistem 15 mata ialah Thailand, Singapura, Laos, Kemboja, Jepun, Korea Selatan, Pakistan, Indonesia dan Kemboja.

Setiausaha Agung Istaf, Abdul Halim Kader menjelaskan keputusan berkenaan sangat baik `demi melicinkan kelancaran acara sepak takraw di Kuala Lumpur' September ini.

Perwakilan Sri Lanka, Filipina, Singapura, Laos dan Vietnam turut memberikan pandangan panjang lebar berhubung sistem terbabit dalam mesyuarat yang berlangsung selama empat setengah jam itu.

Antara alasan yang dikemukakan untuk meluluskan sistem kiraan 15 mata ialah ia bertujuan mengelakkan kontroversi di samping ketidaksediaan pengadil memahami sistem 21 mata.

"Inilah dua faktor yang menyebabkan ahli gabungan Istaf petang ini (semalam) mengambil keputusan sebulat suara undi memilih sistem kiraan 15 mata," katanya ketika menghubungi Harian Sukan dari Bangkok, semalam.

Istaf, menerusi usul Thailand, sebelum ini memutuskan untuk memperkenalkan sistem kiraan 21 mata dalam semua kejohanan besar mulai 1 Januari tahun ini dan ia meliputi Sukan Sea XXI.

Bagaimanapun, menyedari sistem kiraan 21 mata boleh menjejaskan peluangnya mendominasi pingat emas Sukan Sea, Thailand melobi ahli gabungan Istaf supaya kembali menggunakan sistem kiraan lama, 15 mata.

Berikutan keputusan itu, Thailand kini disuntik kemenangan psikologi awal yang dianggap akan membolehkan mereka terus menguasai sukan tradisional itu.

Dalam perkembangan lain, Kongres Tergempar Istaf itu memutuskan jenama Marathon sebagai bola rasmi temasya dwitahunan sekalipun mendapat bantahan rasmi Malaysia.

Wakil Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM), Syed Yazid Syed Abdan, yang membawa amanat Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein membangkitkan isu berkenaan dengan cuba meyakinkan perwakilan supaya menggunakan Gajah Emas.

Pertanyaan ringkas Syed Yazid yang juga Setiausaha Agung persatuan dibalas dengan jawapan bersahaja Istaf. Dua lagi delegasi PSM ialah Ahli Majlis dari Kelantan, Tengku Adnan Tengku Burhanuddin dan anggota bebas badan induk itu, Kamshah Abu Bakar.

Abdul Halim menjelaskan pemilihan Marathon sebagai bola rasmi Sukan Sea diputuskan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dengan sokongan Sekretariat Sukan Sea XXI, yang diketuai Zaki Abdul Rahman.

"Keputusan MOM dan Sekretariat Sukan Sea XXI itu kena dan tepat pada waktunya kerana soal siapa terpilih - Marathon atau Gajah Emas - tidak penting. Yang penting, temasya itu berjalan lancar," katanya.

Isu bola rasmi takraw Sukan Sea hangat apabila Istaf memaklumkan kepada MOM bahawa jenama Thailand, Marathon digunakan sebagai bola rasmi sepak takraw di Sukan Sea, nanti.

Malaysia juga adalah pengeluar bola berjenama Gajah Emas yang berpangkalan di Sungai Petani, Kedah.

MOM dilaporkan sebagai berkata pihaknya terpaksa akur kepada arahan badan induk antarabangsa itu kerana ia berkuasa dari segi aspek teknikal.

Gajah Emas menyifatkan tindakan MOM bertentangan dengan aspirasi 'Malaysia Boleh' dan merumuskan senario berkenaan menentang arus pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)